

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN KONVENSYEN SUKAN KEBANGSAAN

TEMPAT: DI HOTEL CITY BAYVIEW LANGKAWI, KEDAH

TARIKH: 11 APR 1996

MASA:

1. Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Kementerian Belia dan Sukan kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan.

2. Sukan sentiasa mendapat tempat dalam masyarakat di negara ini sejak dari dulu lagi. Kita berjaya menjadi juara dunia dalam sukan badminton dalam tahun-tahun empat puluhan dan lima puluhan. Bolasepak, kriket, sepaktakraw juga popular di kalangan rakyat di kampung atau di bandar. Sukan diuruskan oleh kelab-kelab dan persatuan yang semuanya bergerak secara sukarela. Dalam hal badminton, banyak kelab ditubuhkan untuk menguruskan latihan dan pertandingan di antara kampung atau di antara kelab. Semua ini bergerak di atas daya usaha individu dan kumpulan yang bergabung secara sukarela kerana tujuan yang sama. Pada masa itu tidak ada bantuan daripada Kerajaan kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hanya ditubuhkan pada tahun 1964. Tidak ada pun syarikat-syarikat yang menaja seperti Program Rakan Sukan sekarang ini. Namun kekurangan ini dapat diatasi melalui komitmen yang ikhlas daripada semua yang terlibat tanpa mementingkan kedudukan masing-masing sama ada dalam kelab atau persatuan masing-masing. Tidak ada perebutan jawatan di antara mereka yang terlibat, malah kerap kali ramai yang mengelak daripada dipilih untuk memimpin kelab atau persatuan masing-masing.

3. Negara kita semakin maju di bidang ekonomi. Tetapi tahap kemajuan sukan kita belum boleh disamakan dengan kemajuan kita dalam bidang-bidang yang lain. Kita hanya mampu memenangi semula Piala Thomas setelah 25 tahun berlalu. Kita juga hanya mampu memenangi pingat emas pertama di Sukan Olimpik pada tahun 1992 apabila acara badminton dijadikan acara rasmi. Kita belum mampu menjadi juara sukan SEA dan masih tertinggal di kalangan negara-negara jiran kita. Pendek kata kejayaan atlit-atlit negara di arena antarabangsa masih belum boleh dibanggakan lagi. Demikian juga dengan kegiatan sukan dan rekreasi yang melibatkan rakyat terbanyak masih

terhad perkembangannya. Sukan belum lagi merupakan satu kegiatan rakyat yang menyeluruh dan ia belum lagi menjadi budaya masyarakat kita.

4. Dasar Sukan Negara yang telah digubal dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 20 Januari 1988 telah menetapkan supaya sukan mendapat pengiktirafan, penghormatan dan penggalakan yang sama sebagaimana yang diberikan kepada keperluan asasi sosial yang lain. Dasar ini merupakan garis panduan menyeluruh yang merangkumi sukan prestasi tinggi serta sukan massa yang menggalakkan penyertaan yang meluas di semua peringkat. Kedua-dua bidang ini hendaklah dibangunkan serentak walaupun dengan penekanan yang berlainan.

5. Di samping itu Dasar Sukan Negara juga telah menggariskan dengan jelas peranan semua pihak yang terlibat dengan pembangunan sukan di negara ini seperti sektor awam, swasta, badan sukarela, organisasi bukan kerajaan dan sebagainya. Sudah hampir 10 tahun Dasar tersebut diluluskan, namun kedudukan sukan negara secara keseluruhannya tidak juga menunjukkan kemajuan yang dapat membanggakan kita semua.

6. Apa yang kerap berlaku ialah pergeseran di antara pemimpin-pemimpin persatuan, kurang komitmen para atlit serta berbagai-bagai masalah yang menunjukkan bahawa terdapat kelemahan kepada sistem dan struktur pengurusan yang ada sekarang ini di samping sistem nilai yang mungkin sudah berubah.

7. Pelaksanaan program masih tidak begitu meyakinkan. Saban hari kita didedahkan dengan berbagai masalah yang sentiasa melanda persatuan atau pertubuhan sukan di negara ini. Pergeseran antara pegawai, jurulatih serta atlit tidak putus-putus berlaku yang mana akhirnya akan menjejaskan sukan masing-masing. Sikap berpuak-puak dan politiking begitu ketara diamalkan di dalam kebanyakan badan-badan sukan. Ini sudah tentunya akan membawa kepada kemerosotan pencapaian mereka.

8. Kemajuan sukan negara juga mesti berorientasikan kepada sistem dan nilai yang wajar. Sukan tidak akan maju dan berkembang sekiranya masih terdapat golongan yang sentiasa mengambil kesempatan serta mementingkan diri. Atlit-atlit jangan terlalu memikirkan soal insentif dan ganjaran yang boleh memesongkan arah serta perjuangan mereka. Mereka perlu lebih komited dan meletakkan nama negara di atas segala-galanya. Sejarah pencapaian gemilang atlit-atlit negara pada masa dahulu telah membuktikan bahawa yang penyumbang kepada kejayaan adalah komitmen yang tinggi dan semangat juang yang tidak ada batasannya.

9. Sukan adalah sama pentingnya dengan sektor-sektor lain seperti ekonomi, pelajaran dan pertahanan dalam memajukan negara. Kita telah menerima hakikat bahawa sukan mampu memberi rangsangan ke arah pembentukan rakyat Malaysia yang bersatupadu. Ini jelas ditunjukkan daripada pengalaman kita ketika memenangi semula Piala Thomas pada tahun 1992. Sukan juga mampu menaikkan imej negara melalui kejayaan-kejayaan atlit kita di pertandingan antarabangsa. Oleh yang demikian, sukan memang mempunyai peranan di negara ini.

10. Kita perlu melihat bahawa sukan bukan hanya semata-mata untuk sukan tetapi mempunyai peranan yang lebih daripada itu khususnya dalam konteks negara menuju ke arah tahun 2020. Sukan juga mampu memberi sumbangan ke arah pembentukan rakyat Malaysia yang menepati ciri-ciri Wawasan 2020. Kita semua tahu sukan dipertandingkan melalui peraturan-peraturan yang dipersetujui oleh semua pihak yang bertanding. Ada pula pihak yang memastikan supaya peraturan ini dipatuhi dan mereka ini dikenali sebagai pengadil. Mereka yang melanggar peraturan akan dihukum mengikut peraturan yang dipersetujui. Di samping itu di dalam sukan terdapat juga konsep 'fair play', persefahaman, disiplin, taat, daya saing, perjuangan, persediaan melalui latihan dan kesempurnaan dalam melaksanakan segala gerak geri ke arah memenangi satu-satu pertandingan.

11. Apa yang disebutkan itu tadi ialah nilai-nilai murni yang terdapat dalam sukan. Sekiranya nilai-nilai ini dapat dilahirkan oleh setiap anak muda dan juga pentadbir yang terlibat dalam sukan sudah tentu usaha kita untuk membentuk rakyat Malaysia yang berkualiti dan berhemah tinggi akan menjadi lebih mudah lagi. Dan sekiranya sukan berjaya diamalkan oleh sejumlah besar rakyat Malaysia maka proses pembentukan rakyat Malaysia yang kita idamkan mungkin lebih cepat dicapai. Apa yang perlu ditekankan di sini ialah sukan boleh digunakan untuk pembentukan akhlak yang mulia dan melahirkan nilai-nilai dan sifat-sifat positif di kalangan kita. Memang benar ada banyak cara lain untuk kita membentuk peribadi dan sikap setiap individu tetapi sukan adalah landasan yang baik bagi tujuan itu kerana ia dapat menarik minat sebahagian besar anak muda kita. Dengan demikian sukan adalah satu pendekatan yang harus digunakan dengan baik.

12. Kejayaan-kejayaan atlit yang gemilang juga sering dikaitkan dengan komitmen yang jitu daripada pegawai-pegawai yang mengendalikan persatuan ataupun pertubuhan sukan. Amalan nilai-nilai yang murni, sikap saling memahami, bertolak ansur dan, paling penting, ialah semangat kesukarelaan (volunteerism)

yang tinggi perlu ada di kalangan pentadbir dan pemimpin sukan. Setiap sumbangan atau khidmat yang diberikan adalah ikhlas tanpa berlandaskan kepada niat untuk menerima balasan, imbuhan atau insentif. Bagaimanapun sekarang ini, nilai-nilai murni ini tidak lagi ketara diamalkan di kalangan pemimpin sukan. Semangat kesukarelaan tersebut semakin luntur dan saya khuatir sedikit masa lagi ianya akan terhapus sama sekali. Sekiranya ini berlaku apa sahaja sumbangan yang perlu diberikan, mesti dibayar dengan wang ringgit. Maka tentulah kita dapat bayangkan apakah yang akan terjadi kepada aktiviti sukan di mana ianya menjadi satu aktiviti komersil semata-mata.

13. Oleh yang demikian, langkah yang drastik dan tegas haruslah diambil agar semangat tersebut dapat digerakkan semula dan dikekalkan supaya ianya sentiasa segar dan menjadi tunjang utama dalam gerakan kesukanan. Saya yakin sekiranya ketulusan jiwa dan nurani di dalam proses kesukarelaan ini dapat disemaikan, maka tahap pencapaian serta kadar kegiatan akan melonjak semula ke tahap yang lebih tinggi.

14. Tabiat menyediakan perancangan jangka panjang di kalangan Persatuan Sukan bukan merupakan suatu yang lumrah meskipun ianya merupakan suatu yang penting. Pelaksanaan program yang tidak tersusun dan dibuat secara 'ad hoc' tentunya tidak memberikan pulangan yang bermakna.

15. Program pembangunan yang menyeluruh perlu dirancang dan dilaksanakan supaya dari semasa ke semasa dan di dalam jangka waktu yang panjang negara akan sentiasa mempunyai atlit yang berkaliber untuk mengisi kekosongan atlit yang telah bersara. Ini juga pasti akan dapat mengatasi masalah setengah-setengah sukan yang terlalu bergantung kepada seorang atau dua atlit sehingga ada kalanya atlit yang sudah melampaui zaman gemilangnya masih lagi diperlukan khidmat mereka kerana kita ketandusan jaguh.

16. Kita haruslah mencontohi sesetengah negara yang mempunyai sistem yang begitu tersusun sehingga dapat melahirkan begitu ramai atlit yang berpotensi yang dapat diketengahkan sepanjang masa.

17. Walaupun begitu kita perlu mengakui hakikat bahawa tidak semua sukan mampu mencapai kejayaan ke peringkat yang paling tinggi. Ada sukan yang membataskan kemampuan atlit negara ini untuk maju ke peringkat dunia kerana bentuk fizikal kita. Ada yang memerlukan belanja yang tinggi dan masa yang lama untuk sampai ke tahap yang paling cemerlang. Namun demikian, ianya tidak bermakna sukan-sukan ini

tidak perlu diperluaskan penyertaannya. Kita perlu selektif dalam usaha memajukan jenis-jenis sukan mengikut tahap keupayaannya. Apa yang dimaksudkan di sini ialah ada sukan yang patut dimajukan di setiap peringkat hingga ke tahap yang tertinggi termasuk menjadi jaguh dunia. Kebanyakan sukan pula perlu dimajukan di kalangan rakyat negara ini supaya ianya menjadi sebahagian daripada Program Sukan Untuk Semua.

18. Kita perlu mengadakan program-program supaya budaya sukan boleh diwujudkan dan dikembangkan di kalangan rakyat negara ini. Sudah tentu melalui program sukan yang lebih luas, kemungkinan munculnya jaguh-jaguh akan lebih cerah. Aktiviti yang meluas juga akan dengan sendirinya membentuk sokongan yang kuat terhadap sukan tersebut. Sukan tidak seharusnya dianggap milik segolongan masyarakat sahaja. Peluang mesti diberi supaya mereka yang berminat dapat menceburkan diri dalam aktiviti sukan dan rekreasi. Peratus mereka yang layak ke tahap yang tinggi amat terhad. Ini bermakna kebanyakan daripada mereka yang menceburkan diri dalam sukan adalah untuk kecergasan fizikal dan faktor sosial yang lain. Ini bermakna Persatuan Sukan juga tidak terhad batas tugasnya bagi aktiviti sukan prestasi tinggi tetapi juga perlu melaksanakan program untuk golongan yang lebih ramai bagi memenuhi Program Sukan Untuk Semua.

19. Kita akan menjadi tuan rumah Sukan Komanwel 1998. Pihak Kerajaan sememangnya berazam untuk menjadi tuan rumah yang cemerlang seperti juga ketika kita menjadi tuan rumah acara-acara lain pada masa yang lalu. Meskipun SUKOM NINETY EIGHT BHD telah ditubuhkan untuk menganjurkan acara ini tetapi Kerajaan telah komited untuk menyediakan infrastruktur sukan yang baru di samping menaiktaraf tempat pertandingan yang sedia ada. Peruntukan yang banyak juga disediakan untuk melatih atlit dan pegawai-pegawai teknik. Penglibatan agensi-agensi Kerajaan dan penubuhan Majlis Sukan Komanwel menunjukkan betapa seriusnya usaha dan tekad Kerajaan untuk membuktikan kemampuan negara ini sebagai negara Asia dan negara membangun pertama menganjurkan dengan cemerlangnya sukan yang kedua terbesar selepas Sukan Olimpik.

20. Kita semua sedar bahawa kemampuan atlit kita di Sukan Komanwel `98 yang akan datang adalah terhad. Kita mungkin memenangi beberapa pingat melalui beberapa sukan seperti badminton dan angkat berat seperti yang telah dibuktikan sebelum ini. Tetapi apa yang penting bagi kita ialah cara kita merancang, berlatih dan bertanding menghadapi lawan kita meskipun ianya lebih besar dan lebih tinggi daripada kita. Cara kita mempersempah diri kita

di atas gelanggang menjadi ukuran sama ada kita seorang atlit yang tulen atau sebaliknya. Sekiranya kita bersetuju dengan pendapat ahli sosiologi sukan, bahawa apa yang ditunjukkan oleh atlit di gelanggang permainan mencerminkan sifat-sifat peribadi dan bangsanya, maka kita perlu menentukan supaya atlit kita berlatih dengan penuh disiplin dan bertanding dengan bersungguh-sungguh tanpa mengaku kalah awal-awal lagi.

21. Oleh sebab itu, saya berharap semua pihak menjadikan latihan untuk Sukan Komanwel `98 sebagai tapak dan titik permulaan untuk merubah konsep dan falsafah sukan negara supaya ianya dapat memainkan peranan yang sesuai. Sama ada kita akan memenangi pingat yang banyak atau tidak, tidak harus mempengaruhi usaha kita untuk melahirkan sekumpulan rakyat Malaysia yang berdaya saing yang dapat kita tonjolkan di mata dunia. Sekiranya usaha ini berterusan sudah tentu atlit kita akan dapat menjuarai dalam beberapa sukan termasuk di peringkat dunia.

22. Perubahan dalam memahami dan mempraktikkan konsep dan falsafah sukan supaya ianya secocok dengan dasar-dasar dan matlamat negara ini bukan sahaja terhad kepada atlit-atlit kita tetapi juga meliputi pemimpin, pengurus, jurulatih dan pegawai-pegawai teknik sukan. Kelemahan kita melahirkan atlit yang berjaya adalah kerana kepimpinan yang kurang berkesan. Saya percaya antara kelemahan yang terdapat ialah kurang kemampuan kepimpinan sukan di negara ini untuk merubah pendekatan dan gaya ke arah melahirkan atlit dan pengurusan yang berjaya. Kelemahan ini bukan kerana tempoh mereka menerajui organisasi masing-masing sangat terbatas kerana ramai daripada mereka telah memegang jawatan lebih daripada sepuluh tahun. Kelemahan kepimpinan yang saya maksudkan ialah kerana kurang wawasan untuk membawa kemajuan kepada organisasi pimpinannya sehingga tidak jelas perubahan dan kemajuan yang berlaku kepada sukannya.

23. Pihak Kerajaan ingin melihat supaya sukan terus diuruskan oleh tenaga sukarela melalui persatuan-persatuan dan kelab-kelab sukan. Ini termasuk usaha mencari punca kewangan kerana seperti yang ditunjukkan oleh Rakan Sukan, banyak syarikat swasta berminat untuk menjayakan program sukan. Saya sendiri kadang-kadang kurang faham di atas sikap setengah-setengah pihak yang menerajui dan memimpin sukan. Di satu pihak mereka ingin kebebasan seperti yang disarankan oleh Badan Olimpik Antarabangsa (International Olympic Committee), tanpa campurtangan daripada mana-mana pihak termasuk pengaruh atau tekanan politik. Namun demikian, di pihak yang lain pula mereka meminta bantuan Kerajaan

sepenuhnya seolah-olah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk membantu semua kegiatan mereka. Saya yakin Kerajaan mempunyai peranannya dalam membangunkan sukan seperti juga persatuan-persatuan. Saya juga yakin kebanyakan persatuan sukan di negara ini khususnya di peringkat kebangsaan akan lumpuh atau hampir lumpuh sekiranya Kerajaan tidak memberi bantuan kewangan atau membantu mencari penaja masing-masing. Oleh yang demikian, kita perlu melihat sukan daripada perspektif kita sendiri dan bukan dengan membuta tuli mengikut apa yang orang lain buat. Saya tidak percaya pihak IOC akan datang membantu persatuan-persatuan sukan negara ini dalam usaha untuk memajukan diri masing-masing. Saya juga tidak percaya mereka begitu prihatin di atas prestasi atlit negara di Sukan Olimpik.

24. Kita di Malaysia mempunyai cara kita sendiri. Maka sesuai dengan hasrat untuk meletakkan sukan di atas landasan yang paling sesuai, pihak Kerajaan akan terus memainkan peranan khususnya dalam membina infrastruktur dan melaksanakan program-program yang sesuai. Untuk itu satu akta iaitu Akta Pembangunan Sukan sedang digubal supaya setiap pihak yang terlibat dalam sukan akan faham peranan masing-masing dan melaksanakannya mengikut apa yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka.

25. Saya percaya Konvensyen yang diadakan ini akan dapat mencari penyelesaian kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh sukan negara ini. Kita perlu belajar dari negara yang lebih maju dalam usaha untuk bersaing dengan mereka. Dalam kita mempelajari segala kebaikan dan keburukan daripada mereka, kita perlu juga menyedari bahawa sukan di negara ini mempunyai peranan yang lebih, khususnya untuk membentuk rakyat Malaysia yang bersatupadu, berkualiti dan memenuhi ciri-ciri negara maju dalam semua aspek.

26. Dengan itu, saya dengan sukacitanya merasmikan Konvensyen Sukan Kebangsaan ini.